

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 10.6.2015

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pengenalan subjek baru mengenai Perlembagaan Persekutuan untuk diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tajuk berkaitan Perlembagaan Persekutuan memang terdapat dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah yang sedia ada, sama ada di sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Bagi Sejarah Tingkatan Lima, tajuk ini dibincangkan secara khusus dalam tema Pembinaan Negara dan Bangsa ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat.

Kementerian memberi perhatian akan cadangan pelbagai pihak tentang tajuk ini. Justeru, kurikulum Standard Sejarah yang telah digubal mengambil kira pandangan, input dan nasihat berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia untuk dibincangkan dalam pengubalan kurikulum mata pelajaran Sejarah yang baru. Perkara yang berkaitan dengan Perlembagaan Negara dan Kontrak Sosial akan diteliti semula

dan aspek-aspek yang penting akan dimasukkan dalam kandungan kurikulum Sejarah agar pemahaman murid lebih jelas dan mantap. Melalui pengetahuan dan penghayatan Perlembagaan Negara dan Kontrak Sosial, murid diberi penjelasan tentang dasar pengenalan Perlembagaan Negara dan Kontrak Sosial serta peranannya dalam pembangunan sosial dan perpaduan negara.

Jelasnya, matlamat Perlembagaan Negara yang diterapkan adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan dan memperkukuhkan semangat setia negara dan sebagai langkah awal untuk menanam semangat kebanggaan sebagai anggota satu bangsa yang terkenal dengan nama "Bangsa Malaysia".

RJM78